

04/08/2005

RAFIDAH KEMBALI BERTUGAS PADA 9 OGOS INI, KATA KEMENTERIAN

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, yang kini bercuti sakit, akan kembali bertugas pada 9 Ogos ini, demikian menurut satu kenyataan kementerian itu hari ini.

Ia juga menjelaskan bahawa Rafidah tidak dapat menghadiri mesyuarat kabinet semalam kerana menjalani rawatan pada lutut beliau susulan daripada pembedahan yang dijalannya tahun lalu.

Sebelum ini, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsuddin Osman mengesahkan Rafidah sedang cuti sakit tetapi tidak menyatakan tempohnya.

Sabtu lepas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dilaporkan berkata kabinet akan meminta Rafidah memberikan pandangannya berhubung perkara yang ditimbulkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai pengeluaran permit import (AP).

-- BERNAMA
LIB RAR MAI